

23/06/2000

Kesepakatan negara G-15 bimbangkan Barat

Manja Ismail in Kaherah

"SETIAP tahun G-15 mengadakan sidang puncak dan setiap kali ia dipenuhi dengan retorik. Apakah yang dicapai oleh sidang puncak setakat ini?" demikian soalan wartawan CNN kepada Presiden Hosni Mubarak selaku Pengerusi Sidang Puncak Ke-10 Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) dalam sidang akhbar mengisytiharkan pernyataan bersama sejeurus selepas mesyuarat berakhir Selasa lalu.

Soalan seumpama itu, yang datangnya daripada seorang wartawan Barat, tentulah mengundang prasangka. Sama ada wartawan itu ikhlas atau sinis, pertanyaan yang sama turut dikongsi oleh ramai lagi, termasuk di kalangan negara membangun sendiri. Malah, soalan yang hampir sama turut ditanya oleh seorang profesor di Universiti Kaherah kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas Perdana Menteri menyampaikan syarahannya di majlis anjuran Pusat Pengajian Asia universiti itu pada petang berkenaan.

Kalau yang bertanya itu membuat perbandingan dengan perkumpulan kerjasama negara maju, tentulah G-15 kelihatan ketinggalan. Tetapi dibandingkan dengan kerjasama negara membangun lain, terutama Pergerakan Berkecuali (NAM), Persidangan Pertubuhan Islam, malah gabungan negara maju dan membangun seperti Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik, G-15 dalam usia 10 tahunnya dianggap lebih berkesan sama ada dalam mencapai kata sepakat atau meningkatkan kerjasama perdagangan dan pelaburan di kalangan negara anggota.

Hakikat kehadiran ketua kerajaan yang semakin ramai dalam setiap sidang puncak dan semakin banyak negara mahu menyertainya sudah cukup untuk menjawab soalan wartawan CNN tadi. Sidang puncak kali ini menerima Iran dan Colombia sebagai anggota baru. Jika G-15 hanya dipenuhi retorik pemimpin dunia ketiga, tentu minat di kalangan negara membangun semakin pudar seperti berlaku kepada NAM. Kesan paling ketara daripada sidang puncak tahunan G-15 - selain faedah melalui pelbagai projeknya - ialah pengetahuan dan kesedaran negara anggota mengenai isu-isu baru antarabangsa seperti globalisasi, dasar kewangan dan peraturan perdagangan dunia.

Kesedaran mengenai kesan globalisasi dan isu Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) adalah contoh paling jelas. Jika lima tahun lalu, hanya Malaysia menyuarakan kebimbangannya mengenai perkara itu tetapi disambut sepi oleh kebanyakan anggota G-15 lain, dalam sidang puncak kali ini semua ketua kerajaan bukan saja bercakap mengenainya, malah membuat pendirian bersama.

Begitu juga dengan ketiadaan kawalan dalam perdagangan mata wang dan peranan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF). Kalau tiga tahun lalu, hanya Dr Mahathir yang menyuarakan pandangannya, beliau kini menjadi pakar rujuk sehingga ada negara anggota secara terbuka meminta Malaysia mengajar mereka bagaimana untuk menghadapinya jika krisis kewangan seperti itu menimpa mereka.

Kerana itu, Malaysia sedia berkongsi pengalamannya dalam menangani krisis kewangan dengan negara G-15 untuk disesuaikan dengan keadaan di negara masing-masing lain. Sebagai negara yang lebih berjaya berbanding kebanyakan anggota G-15 lain, Malaysia juga sedia berkongsi pengetahuan mengenai globalisasi.

"Kita akan edarkan kertas kerja yang ditulis oleh Martin Khor (Third World Network) mengenai globalisasi kepada negara-negara membangun. Kertas kerja itu paling lengkap mengenai globalisasi setakat ini," kata Perdana

Menteri dalam sidang akhbar di Kaherah, kelmarin.

Walaupun kesedaran negara membangun mengenai kesan buruk globalisasi dan agenda jahat di sebalik peraturan WTO belum dianggap cukup untuk menukar pendirian negara maju, ia sekurang-kurangnya membuka mata mereka bahawa semakin banyak negara ketiga yang sudah memahami niat Utara di sebalik pelbagai slogan dan ideologi baru.

Mubarak pula berkata, jangan fikir adalah mudah bagi institusi baru seperti G-15 atau yang lain boleh menyelesaikan semua masalah membabitkan WTO hanya dengan menekan butang.

"Bagaimanapun, mereka (G-15) dengan lantang memberi amaran mengenai bahaya pengagihan yang tidak adil dan membuat keputusan tidak demokratik yang memberi kesan kepada rakyat," kata Mubarak dalam sidang akhbar di akhir sidang puncak itu.

Dalam pernyataan bersama sidang puncak ke-10 itu, G-15 antara lain mahu proses globalisasi mesti memastikan pembangunan dapat mengurangkan kemiskinan serta meningkatkan taraf hidup dan jurang perbezaan di kalangan negara. Penyertaan semua negara membangun dalam ekonomi antarabangsa mesti berasaskan keadilan dan kesamarataan.

Globalisasi juga mesti memastikan pertumbuhan ekonomi tidak menyebabkan kemusnahan alam sekitar; pendemokrasian hubungan antarabangsa; serta menghormati dan membela hak asasi manusia, termasuk hak terhadap pembangunan. Negara G-15 juga mahu Tabung Matawang Antarabangsa bertindak secara berkesan dan demi kepentingan semua negara, termasuk ketika negara berkenaan menghadapi krisis.

Kebimbangan G-15 mengenai kesan peraturan berat sebelah WTO pula akan dihadapi secara khusus apabila sidang kali ini bersetuju supaya satu mesyuarat menteri-menteri ekonomi negara anggota diadakan di Kuala Lumpur, khusus bagi membincangkan isu itu Ogos ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata mesyuarat di Kuala Lumpur itu akan membolehkan G-15 mengambil pendirian tegas terhadap isu-isu yang sudah mendapat kata sepakat di kalangan negara anggota.

"Bagi isu negara anggota berbeza pendapat, mesyuarat tidak rasmi itu akan membincangkannya secara lebih mendalam supaya setiap anggota memahami pendirian masing-masing," katanya.

Mesyuarat di Kuala Lumpur itu akan mencari kaedah bagi memastikan isu semasa dan agenda akan datang WTO tidak memasukkan syarat tambahan yang akan menekan negara membangun, iaitu standard buruh dan klause sosial.

Tiga isu semasa WTO yang belum selesai ekoran kegagalan mesyuarat peringkat menteri di Seattle, Disember lalu ialah pelaksanaan perjanjian Pusingan Uruguay, pertanian dan perkhidmatan, manakala isu baru ialah tarif industri.

Satu lagi kejayaan sidang puncak kali ini ialah negara-negara anggota dapat bertolak-ansur apabila timbul percanggahan pendapat berhubung sesuatu isu penting. Penerimaan Iran dan Colombia sebagai anggota baru membuktikan sikap tolak-ansur itu.

Negara-negara Amerika Latin keberatan untuk menerima penyertaan Iran walaupun permohonannya mendapat sokongan negara Asia dan Afrika. Kerana gagal mencapai kata sepakat di peringkat pegawai, ia terpaksa dibawa ke peringkat menteri luar. Pada peringkat itu kedua-dua pihak dikatakan bertolak-ansur apabila menerima penyertaan Colombia yang membuat permohonan rasmi dua tahun lalu.

"Ada kalanya kami memang berbeza pendapat tetapi kerana kebijaksanaan Presiden Mubarak, kami boleh bertolak-ansur," kata Presiden Abdurrahman Wahid yang akan mempengerusikan sidang puncak ke-11 di Indonesia tahun depan.

Barangkali kerana kesepakatan seperti ini dan kesungguhan G-15